

# **Kertas Bil. 37/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH  
SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW WATER  
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF  
SELANGOR- JPK-SAM) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERHUBUNG "PENGURUSAN AIR NEGERI  
SELANGOR (KUALITI): KAEDAH MENANGANI  
PENCEMARAN AIR."**

---



**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR  
MENTAH (JPK-SAM), NEGERI SELANGOR BERHUBUNG  
"PENGURUSAN AIR NEGERI SELANGOR (KUALITI): KAEDAH MENANGANI  
PENCEMARAN AIR."**

### **1. PENDAHULUAN**

1.1. JPK-SAM telah mengadakan Pendengaran Tertutup pada 6hb Mei 2015 untuk mendapatkan penjelasan mengenai Kaedah Terbaik Menangani Pencemaran Manganese dan Ammonia di Loji Rawatan Air Sg. Semenyih oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Konsortium ABBAS Sdn Bhd (Operator Loji Rawatan Air Sg Semenyih) dan Chemindus Sdn Bhd.

### **2. LATAR BELAKANG**

2.1. Pada 13hb Februari 2015, 3hb Mac 2015, 7hb Mac 2015, 19hb Mac 2015 dan 1hb April 2015 LRA Sg. Semenyih terpaksa memberhentikan operasi akibat tahap pH air mentah yang berasid yang memberikan kesan terhadap proses penyingkiran kandungan Mangan (Mn) dan Ammonia ( $\text{NH}_3$ ) dalam air Sg. Semenyih.

### **3. AHLI JAWATANKUASA**

- 3.1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin  
ADN Damansara Utama
- 3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah  
ADN Bangi
- 3.3. Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam  
ADN Seri Andalas
- 3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
ADN Bukit Gasing
- 3.5. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad  
ADN Ijok
- 3.6. Y.B. Datuk Sulaiman bin Abdul Razak  
ADN Permatang
- 3.7. Y.B. Tuan Jakirian bin Jacomah  
ADN Bukit Melawati

### **4. SAKSI-SAKSI TERLIBAT:**

4.1. Senarai saksi-saksi yang hadir pada Pendengaran Tertutup bertarikh 6hb Mei 2015 adalah seperti di Lampiran I.

## 5. FAKTA KEJADIAN

- 5.1 Menurut ABBAS, mereka telah mengenal pasti bahawa Genesis Aluminium Sdn Bhd (GA) bertanggungjawab untuk pencemaran pH, Mangan dan Ammonia pada 15hb Februari 2015 dan 1hb April 2015. Bagaimanapun punca kejadian pada 3hb Mac 2015, 7hb Mac 2015, dan 19hb Mac 2015 gagal dikenal pasti.
- 5.2 Pencemaran kandungan Mangan di dalam air mentah adalah disebabkan oleh pelepasan efluen dari kilang GA yang mengandungi kandungan pH yang rendah. (pH 2.1 pada 15 Februari 2015 dan pH 1.71 pada 1 April 2015).
- 5.3 Kandungan pH air mentah yang rendah (efluen kilang) akan mengakibatkan Mangan (IV) dalam bentuk pepejal kepada Mangan (II) yang larut dalam air. Mangan (II) tidak boleh disingkirkan dalam sistem rawatan manakala Mangan (IV) boleh disingkirkan melalui proses kogulasi dan tapisan.
- 5.4 Dengan meningkatkan pH sehingga 8.5, Mangan (II) akan berubah ke Mangan(IV) dan kemudiannya disingkirkan melalui proses kogulasi dan tapisan.
- 5.5 Menurut LUAS, mereka juga mendapati bahawa punca pencemaran adalah daripada GA:
  - 5.5.1 Apabila LPA Sg Semenyih dihentikan tugas pada 1hb April 2015, LUAS telah membuat siasatan dan mendapati bahawa GA bertanggungjawab kerana melepaskan efluen yang mengandungi pH 1.71.
  - 5.5.2 Pemantauan berterusan masih dilakukan walaupun kilang tersebut telah diberikan arahan henti tugas dan penyitaan. Kandungan Mangan meningkat dengan pengurangan nilai pH asid. Pemberhentian kerja menyebabkan paras Mangan dalam air sungai menurun.
  - 5.5.3 Pihak LUAS telah menyemak daftar senarai kilang yang berpotensi mengeluarkan kandungan asid yang tinggi dengan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), di mana salah satu kilang yang dikenal pasti adalah Kilang Yokohama tetapi didapati mematuhi piawaian. Pencarian tersebut tidak terhad kepada pH atau fizikal kilang tetapi melibatkan siasatan bahagian lain yang berdasarkan fakta sains.
  - 5.5.4 Pihak Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS) juga telah mengeluarkan Notis Penahanan Operasi untuk beberapa peralatan di premis untuk tujuan pemeriksaan. Pihak MPKj telah mengeluarkan Notis Niat Membatalkan Lesen dan Menggantung Lesen kepada premis bertarikh 3hb April 2015.

- 5.5.5 Pihak LUAS juga telah mengeluarkan Surat Arahan di bawah Seksyen 43(1)(d), Enakmen LUAS bertarikh 2hb April 2015 yang mengarahkan premis menjalankan kerja-kerja membalk pulih sehingga effluent yang dilepaskan adalah memuaskan.
- 5.5.6 Berdasarkan pemantauan setiap hari pada takat pelepasan akhir, adalah didapati premis tidak melepaskan sebarang effluent berasid lagi. Pemantauan di Sg Purun juga mendapati paras pH adalah baik.
- 5.6 Menurut pakar daripada syarikat Chemindus Sdn Bhd (Chemindus) dalam merawat air mentah yang mengandungi Manganese yang tinggi:
- 5.6.1 Manganese terlarut (Mn(II)) dan tidak terlarut (Mn(IV)) ditentukan dengan penurasan air mentah melalui 0.45 mikron. Manganese terlarut dapat disingkirkan melalui proses pengentalan kogulasi dan penapisan yang biasa. Manganese terlarut bergantung kepada proses oksidasi, pH kogulasi, penapisan ataupun faktor lain seperti fasiliti dan operasi loji rawatan.
- 5.6.2 Pihak Chemindus memberikan cadangan kepada Jawatankuasa supaya memproses air mentah menggunakan proses Polyaluminium Chloride (PAC)/ Aluminum Chlorohydrate (ACH) untuk membantu kogulasi pH tinggi, mengurangkan penggunaan kapur dan mengekalkan pH air tertakung, dan menyebabkan baki kandungan aluminium yang lebih rendah.
- 5.6.3 Pihak Chemindus memberikan contoh kajian kes dan data makmal di Loji Air Padang Sanai, Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan Loji Air Kota Lama Kiri, Kuala Kang di mana kedua-duanya mengalami masalah kandungan Manganese yang tinggi.

## 6. PENCEMARAN AMMONIA

- 6.1 Kronologi peningkatan kadar Ammonia dan insiden yang pernah berlaku serta langkah-langkah yang diambil boleh dilihat di Lampiran II.
- 6.2 LUAS sedang dalam peringkat pelaksanaan kajian lokasi stesen pemantauan kuantiti dan kualiti air bagi Lembangan Selangor dan Lembangan Langat di mana data akan disepadukan ke dalam sistem berpusat IWRIMS yang merupakan satu sistem amaran awal untuk digunakan di dalam sistem pembuat keputusan.

6.3 LUAS telah mengenal pasti bahawa salah satu punca utama pencemaran Ammonia Sg Semenyih adalah Tapak Pelupusan Sampah (TPS) Pajam, Negeri Sembilan:

- 6.3.1 TPS Pajam mengalirkan air kurasan ke Sg Semenyih melebihi 400m<sup>3</sup> sehari berdasarkan rekabentuk Loji Rawatan Air Kurasan di TPS Pajam.
- 6.3.2 Berdasarkan rekod Lembaga, sekiranya pelepasan daripada TPS Pajam mencatatkan bacaan 50 mg/l bagi parameter Ammonia, maka muka sauk LRA Semenyih akan mencatatkan bacaan 1.5mg/l, iaitu had limit Ammonia dalam air mentah mengikut Garis Panduan Kualiti Air Minum Kebangsaan Bagi Air Mentah.
- 6.3.3 TPS Pajam sepatutnya ditutup secara sepenuhnya apabila *Mobile Leachate Treatment Plant* (LTP) disediakan di tapak untuk merawat kandungan Ammonia di dalam air semasa Fasa I.
- 6.3.4 Walau bagaimanapun, terdapat isu di pembayaran wang nominal sewaan untuk syarikat pengumpulan sampah (PSY Park) menghantar sampah yang dahulunya dihantar ke TPS Pajam ke tempat yang lain. Oleh itu, sampah masih dibuang di TPS Pajam. LTP hanya mampu memproses kandungan air kurasan yang minimum.
- 6.3.5 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) memaklumkan kadar nominal sewaan tahunan masih belum diluluskan oleh kabinet.
- 6.3.6 Tambahan lagi, peralatan untuk Fasa II rosak akibat penghantaran sampah secara berterusan kepada TPS Panjam.
- 6.3.7 LTP tersebut masih di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan keputusan masih belum dibuat untuk menyerahkan bidang kuasa tersebut kepada pihak lain.

## 7. JUMLAH TENAGA KERJA LUAS (SIASATAN DAN KAWALAN PENCEMARAN)

- 7.1. Menurut Laporan LUAS, jumlah kakitangan yang ditugaskan untuk mengurus sumber air di Selangor adalah hanya 27 orang. Pecahan kakitangan tersebut adalah seperti berikut:
- 7.1.1. Lembangan Sungai Selangor, Sungai Bernam dan Sungai Tengi:  
i. 5 orang kakitangan teknikal  
ii. 3 kakitangan penguatkuasaan.
- 7.1.2. Lembangan Sungai Klang dan Sungai Buloh:  
i. 5 orang kakitangan teknikal  
ii. 4 kakitangan penguatkuasaan
- 7.1.3. Lembangan Sungai Langat dan Sungai Semenyih:  
i. 5 orang kakitangan teknikal  
ii. 4 kakitangan penguatkuasaan  
iii. 1 orang pemandu.
- 7.2. Pasukan yang disebutkan di atas disokong oleh 14 kakitangan lagi yang ditugaskan untuk memantau aktiviti yang tertakluk di bawah peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan:  
i. Unit Kawalan Pencemaran mempunyai 5 orang kakitangan teknikal.  
ii. Unit Abstraksi Air Bumi dan Permukaan mempunyai 5 orang kakitangan teknikal dan 1 pembantu tadbir.  
iii. Unit Sumber Air Alternatif pula mempunyai 3 orang kakitangan teknikal.
- 7.3. Jumlah keseluruhan kakitangan LUAS sehingga kini adalah seramai 96 orang termasuk pengarah. 69 orang daripadanya adalah berstatus tetap dan 26 orang berstatus kontrak.
- 7.4. LUAS telah mengemukakan cadangan pertama pengukuhan organisasi dan pertambahan kakitangan dengan 150 perjawatan baru kepada pihak JPA pada 30 Oktober 2013. Selepas rundingan dan perbincangan bersama JPA pada 4-6 Mac 2014, LUAS mengemukakan cadangan kedua dengan 80 perjawatan baru. Akhirnya, pada 24 April 2015, LUAS menerima daripada JPA 4 waran perjawatan sahaja.

## 8. TEMPOH LAPORAN ANALISIS JABATAN KIMIA MALAYSIA (JKM)

- 8.1. Berdasarkan piagam pelanggan Jabatan Kimia Malaysia (JKM), tempoh analisis adalah berbeza-beza mengikut jenis sampel:

LAPORAN ANALISIS	TEMPOH (Hari Kalendar)
Penguatkuasaan Efluen Industri	25
Penguatkuasaan Efluen Kumbahan	20
Penguatkuasaan Air Larut Resap Pelupusan Sampah	40
Penguatkuasaan Tumpahan Minyak	30

## 9. KEBERTANGGUNGJAWABAN DALAM MENGAWAL PENCEMARAN

- 9.1. Jawatankuasa mendapati bahawa tidak terdapat persefahaman antara JAS, LUAS dan PBT mengenai peranan mereka dalam menangani masalah pencemaran sungai dari segi pemantauan, penguatkuasan, penyiasatan dan pendakwaan. Terdapat pertindihan bidangkuasa antara Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Alam Sekitar seperti Lampiran III.

## 10. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 10.1. Masalah pencemaran Manganese adalah disebabkan oleh pencemaran industri berasid daripada kilang-kilang.
- 10.2. Air yang mengandungi Manganese yang tinggi boleh dirawat dengan PAC dan ACH.
- 10.3. Air kurasan dari tapak TPS Pajam di Negeri Sembilan telah meningkatkan kandungan Ammonia di Sg Semenyih.
- 10.4. Jabatan Kimia Malaysia menggunakan masa yang terlalu lama iaitu 20-40 hari untuk menganalisis sampel megikut jenis sempel. Ini menghalang penguatkuasa daripada membuat tindakan yang segera dalam kes kecemasan seperti GA. Ini mengakibatkan pencemaran berlaku berkali-kali dalam masa yang sangat singkat.
- 10.5. LUAS tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk memantau dan membuat penguatkuasaan di lembangan sungai.

- 10.6. JPA telah melambatkan proses pertambahan kakitangan LUAS. Ia meluluskan hanya 4 perjawatan baru manakala LUAS memerlukan sekurang-kurangnya 80 perjawatan baru.

## 11. SARANAN JAWATANKUASA

- 11.1. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memastikan LUAS mempunyai perancangan yang lebih menyeluruh bagi mengawal pencemaran di sumber air mentah. Projek IWRIMS hendaklah disegerakan.
- 11.2. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menambah kakitangan kontrak LUAS dengan segera supaya kerja pemantauan dan penguatkuasa di lembangan-lembangan sungai Selangor boleh dibuat dengan kerap dan ketat.
- 11.3. Jawatankuasa berpendapat bahawa LUAS dan PBT mempunyai kuasa undang-undang yang mencukupi untuk mengawal punca pencemaran sumber air mentah di Selangor dan memulakan siasatan untuk penguatkuasaan. Kilang-kilang yang mencemarkan sumber air hendaklah dikenakan tindakan tegas serta-merta.
- 11.4. Jawatankuasa mencadangkan Kerajaan Negeri Selangor mengkaji semula undang-undang sedia ada yang berkait rapat dengan pengurusan sumber air untuk mengenalpasti punca kuasa untuk agensi-agensi negeri dalam kawalan pencemaran dan penguatkuasaan kesalahan-kesalahan berkaitan.
- 11.5. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membolehkan analisis sampel punca pencemaran dilaksanakan oleh pakar-pakar selain Jabatan Kimia Malaysia supaya analisis boleh dibuat dalam masa yang pendek untuk tujuan penguatkuasaan.
- 11.6. Jawatankuasa menyarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor mendorong pihak-pihak yang berkenaan dengan projek TPS Pajam, Negeri Sembilan untuk mengambil tindakan segera mengawal pelepasan *leachate* dan membuat rawatan *onsite* dan tindakan-tindakan yang sewajarnya termasuk mengambil tindakan undang-undang jika perlu.
- 11.7. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri Selangor melantik perunding pakar yang bebas untuk mengkaji prestasi dan pencapaian fasiliti loji rawatan air terutamanya Loji Rawatan Air Semenyih dalam menangani pencemaran Ammonia dan Manganese.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah, Pemangku Pengerusi Jawatankuasa JPK-SAM, seterusnya dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa JPK-SAM dalam mesyuarat Jawatankuasa pada 10hb Julai 2015.

Disahkan oleh:

.....  
Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah  
Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air  
Mentah Negeri Selangor.

**URUS SETIA:**

1. Puan Elya Marini binti Darmin
2. Encik Jurasmadi bin Pauzi
3. Cik Azira binti Aziz
4. Cik Izan binti Mohamad Taib

Setiausaha Bahagian Dewan  
Penolong Setiausaha  
Penyelidik Kanan  
Pembantu Tadbir

**LAMPIRAN I : Senarai Nama Saksi-Saksi**

Bil. 8/2015

Tarikh : 6 Mei 2015 (Rabu)  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Bilik Mesyuarat  
Pejabat Dewan Negeri Selangor  
Tingkat 1, Bangunan Annex

**Jabatan yang dijemput:****Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)**

1. Tuan Haji Md Khairi bin Selamat  
(Pengarah)
2. Encik Mohd Nazifi bin Nawawi  
(Pegawai Kawalan Alam Sekitar)

**Konsortium ABASS Sdn. Bhd. (ABASS)**

1. Encik Basar bin Ishak  
(Pengurus Besar Operasi)
2. Encik Ahmad bin Rosli  
(Penolong Pengurus Besar Operasi)
3. Encik Fitrinnas bin Mohammad Nazri  
(Jurutera)
4. Puan Humairah Yeoh Yee Voon  
(*Chemist*)
5. Encik Ainul Azhar bin Mohd. Jemoner  
(Pengurus Besar Teknikal)

**Chemindus Sdn. Bhd.**

1. Encik Lian Chin Zeng  
*(Technical Sales & Service Manager)*

**LAMPIRAN II : Kronologi Peningkatan Kadar Ammonia**

TARIKH	PARAS AMMONIA /INSIDEN
<b>24 Februari 2011</b>	Bacaan Ammonia mencecah 3.0 mg/L. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti pembuangan sampah menyukarkan kerja membaik pulih tapak dan terdapat ban kolam ikan yang pecah di tapak bersebelahan.</li> </ul>
<b>16 Mac 2011</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perbincangan antara LUAS, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam &amp; ABASS dibuat.</li> <li>- Pihak LUAS memohon supaya tindakan segera diambil. PPSP memaklumkan akan menggunakan Mobile Leachate Treatment Plant pada Mei 2011 dan tiada cadangan untuk jalankan pengambilan semula tanah kolam ikan tersebut.</li> </ul>
<b>20 April 2011</b>	Lawatan tapak susulan Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Langat. hasil lawatan mendapati Mobile Leachate Treatment Plant telah beroperasi.
<b>6 September 2011</b>	Bacaan Ammonia mencecah 1.4 mg/l dan aliran daripada tapak menunjukkan bacaan Ammonia mencecah sehingga 100 mg/l. Insiden berlaku disebabkan tembok (ban) kolam telah pecah.
<b>29 September 2011</b>	Lawatan tapak dijalankan kerana berlaku kekerapan peningkatan paras Ammonia di muka sauk. LUAS meminta supaya takungan air kurasan (leachate) di Fasa 2 diberi perhatian.
<b>1 Januari 2012</b>	Bacaan Ammonia mencecah sehingga 1.74 di muka sauk. Leachate daripada TPS Pajam mengalir masuk ke Sungai Pajam seterusnya ke Sungai Beranang dan Sungai Semenyih.
<b>16 Januari 2012</b>	Bacaan Ammonia di muka sauk mencecah 1.2 mg/l. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Masalah berlaku kerana terdapat limpahan sampah basah yang masuk ke dalam parit tanah dan leachate mengalir secara berterusan ke Sungai Pajam.</li> </ul>
<b>17 Januari 2012</b>	Mesyuarat telah diadakan di LUAS bagi membincangkan isu peningkatan Ammonia. (agensi yang bertanggungjawab ialitu PPSPA, MPN, dan JPSP tidak hadir)

TARIKH	PARAS AMMONIA /INSIDEN
<b>25 Februari 2012</b>	Bacaan Ammonia meningkat sehingga ke paras maksimum iaitu 7.0 mg/l. LPA terpaksa henti tugas sebaik sahaja paras Ammonia pada 1.5 mg/l. Henti tugas loji selama 2 jam 10 minit. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berlaku disebabkan tiada ban yang menghalang leachate memasuki parit tanah seterusnya mengalir ke sungai.</li> </ul>
<b>28 Februari 2012</b>	Mesyuarat membincangkan isu peningkatan Ammonia ini diadakan di LUAS. (agensi yang bertanggungjawab tidak hadir).
<b>26 Jun 2013</b>	Peningkatan mendadak paras Ammonia sehingga mencecah 1.38 mg/l. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Paras Ammonia di Sungai Beranang meningkat kepada 2.33 mg/l.</li> <li>- Terdapat insiden kebakaran sampah di TPS Pajam, Fasa 2 &amp; pihak bomba memadam kebakaran.</li> <li>- Leachate masuk ke saliran dan ke sungai tanpa kawalan.</li> </ul>
<b>27 Jun 2013</b>	Bacaan Ammonia mencecah sehingga 1.22 mg/l. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Leachate Treatment Plant masih tidak berfungsi dan saliran serta kolam telah penuh dengan leachate.</li> </ul>
<b>1 Julai 2013</b>	Bacaan Ammonia mencecah sehingga 1.55 mg/l di muka sauk. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lawatan mendapati saliran dan kolam masih penuh dengan leachate dan berlaku resapan leachate memasuki longkang.</li> </ul>
<b>3 Julai 2013</b>	Mesyuarat diadakan di LUAS bagi membincangkan isu peningkatan Ammonia. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengesyorkan supaya langkah segera diambil untuk mengurangkan kadar leachate di tapak.</li> <li>- Walau bagaimanapun, pihak bertanggungjawab tidak hadir.</li> </ul>
<b>10 Julai 2013</b>	Lawatan tapak mendapat limpahan leachate masih lagi berlaku dan pihak yg terlibat telah menutup salah satu saliran bagi menghalang aliran leachate daripada memasuki sungai. Walau bagaimanapun, masih terdapat saliran yang menjadi laluan leachate terutama lechate yang meresap keluar daripada tanah.

TARIKH	PARAS AMMONIA /INSIDEN
<b>24 Januari 2014</b>	LTP masih belum beroperasi dan aliran leachate masih mengalir ke sungai. JPSPN memaklumkan sedang mendapatkan peruntukan daripada MOF berjumlah RM240,000.00 dan dijangka akan diperoleh pada pertengahan Februari.
<b>28 Mac 2014</b>	Mobile Leachate Treatment Plant telah diletakkan di tapak dan berupaya merawat leachate sebanyak 50m <sup>3</sup> /hari dan mengeluarkan efluen yang jernih.
<b>9 Jun 2014</b>	Kerja-kerja membaik pulih Tapak Pelupusan Sampah Pajam menyebabkan kolam leachate penuh dan mengalir trus ke dalam Sungai pajam sehingga menyebabkan peningkatan Ammonia di muka sauk.
<b>19 Ogos 2014</b>	LTP telah beroperasi walau bagaimanapun, leachate masih mengalir ke sungai yang berdekatan.
<b>28 Ogos 2014</b>	Bacaan Ammonia mencecah sehingga paras 2.75 mg/l.
<b>23 September 2014</b>	Lawatan tapak mendapati LTP telah beroperasi dan pembuangan sampah masih diteruskan bagi tapak fasa. Walau bagaimanapun, kemampuan LTP adalah minimum menyebabkan leachate masih mengalir terus ke sungai.
<b>8 November 2014</b>	Kerja pembersihan saliran oleh Kontraktor Nilai Bersih seperti yang diputuskan di dalam mesyuarat di JAS Negeri Sembilan pada 6 November 2014.

**LAMPIRAN III : Jadual menunjukkan contoh lapisan bertindih (overlapping) bidangkuasa antara Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Alam Sekitar:**

Enakmen LUAS Lembaga Urus Air Selangor	Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 Jabatan Alam Sekitar
<p>76 Penilaian kesan terhadap alam sekitar oleh projek yang sedang berjalan</p> <p>(1) Lembaga bolehlah menjalankan, atau menyebabkan mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang mengawal menjalankan, penilaian kesan terhadap alam sekitar setiap projek yang sedia ada di dalam kawasan yang ditetapkan. Penilaian itu hendaklah mengandungi penilaian penaksiran langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan, meringankan, mengurangkan atau mengawal apa-apa kesan yang menjelaskan alam sekitar oleh projek itu.</p> <p>(2) Apa-apa syor yang dibuat sebagai sebahagian daripada penilaian yang dihuraikan dalam subseksyen (1) hendaklah dilaksanakan, setakat mana yang boleh diperlakukan secara munasabah, oleh Lembaga atau pihak berkuasa awam yang berkaitan, mengikut mana yang sesuai.</p> <p>(3) Lembaga bolehlah, melalui pemberitahuan bertulis, menghendaki mana-mana orang yang bertanggungjawab untuk mana-mana aktiviti pengubahan sumber yang sedia ada di dalam kawasan yang ditetapkan untuk melaksanakan langkah-langkah yang, pada pendapatnya, adalah sesuai untuk mengurangkan kesan aktiviti itu yang menjelaskan alam sekitar.</p> <p>(4) Lembaga bolehlah, dalam apa-apa urusan dengan mana-mana pihak berkuasa awam, mengsyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri langkah-langkah yang hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa awam itu di bawah seksyen ini dan Pihak Berkuasa Negeri bolehlah membuat arahan tertentu atas syor itu sebagaimana difikirkan wajar.</p> <p>(5) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan</p>	<p>Seksyen 21. Kuasa untuk menentukan syarat-syarat pengeluaran, pelepasan, dsb.</p> <p>Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh melalui peraturan-peraturan menentukan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran, pelepasan atau peletakan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan atau pengeluaran bunyi bising ke dalam sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling dan boleh menguntukkan sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling ke dalam mana pengeluaran, pelepasan atau peletakan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau itu adalah dilarang atau disekat.</p> <p>[Pin. Akta A953 : s. 9 ; Pin. Akta A1102 : s.3]</p>

Enakmen LUAS Lembaga Urus Air Selangor	Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 Jabatan Alam Sekitar
apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya lima ribu ringgit setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan.	
<p>79 Larangan pencemaran sesuatu sumber air</p> <p>(1) Kecuali sebagaimana yang telah dibenarkan secara nyata di dalam mana-mana undang-undang bertulis tiada seorang pun, kecuali di bawah dan menurut terma-terma dan syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini, menyebabkan kemasukan atau melepaskan ke dalam mana-mana sumber air:-</p> <p>(a) apa-apa bahan beracun, bahan memudaratkan atau bahan pencemar atau bahan buangan yang akan menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan atau menyumbang kepada terjadinya suatu sumber air atau bahagiannya merbahayakan, memburukkan atau menjelaskan kesihatan, keselamatan atau kebajikan orang awam atau kehidupan atau kesihatan haiwan atau tumbuh-tumbuhan atau padanya atau terhadap penggunaan berfaedah lain sumber air itu;</p> <p>(b) apa-apa bahan yang disebabkan haba, kandungan biologi atau kimianya atau kesannya menukar warna air membuat atau menyumbang terhadap membuatkan sumber air atau bahagiannya itu berpotensi merbahayakan kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam atau kehidupan atau kesihatan haiwan atau tumbuh-tumbuhan atau menjelaskan penggunaan berfaedah lain sumber air itu;</p> <p>(c) apa-apa bahan yang disebabkan keadaan fizikal, kandungan kimia atau biologi, atau kesannya menukar</p>	<p>Seksyen 25. Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan.</p> <p>(1) Melainkan jika dileSEN, tiada seseorang boleh mengeluar, melepas atau meletakkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam mana-mana perairan daratan dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.</p> <p>(2) Tanpa menghadkan keluasan seksyen-kecil (1) seseorang hendaklah disifatkan sebagai mengeluar, melepas atau meletakkan buangan-buangan ke dalam perairan daratan jika -</p> <p>(a) ia meletakkan apa-apa buangan di dalam atau di atas mana-mana perairan atau di sesuatu tempat di mana buangan itu boleh masuk ke dalam mana-mana perairan;</p> <p>(b) ia meletakkan apa-apa buangan dalam sesuatu keadaan di mana buangan itu jatuh, turun, mengalir, sejat, dihanyutkan, ditiup atau meresap atau mungkin jatuh, turun, mengalir, sejat atau dihanyutkan, ditiup atau meresap ke dalam mana-mana perairan, atau dengan diketahuinya atau oleh sebab kecuaiannya, samada secara langsung atau secara tak langsung, menyebab atau membenarkan apa-apa buangan diletakkan dalam sesuatu keadaan seperti itu; atau</p> <p>(c) ia menyebabkan suhu perairan yang menerimanya itu naik atau turun sebanyak lebih daripada had yang ditetapkan.</p> <p>(3) Seseorang yang melanggar seksyen-kecil (1) adalah melakukan suatu</p>

Enakmen LUAS Lembaga Urus Air Selangor	Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 Jabatan Alam Sekitar
<p>warna air membuat atau menyumbangkan terhadap membuatkan sumber air itu sukar dipulihkan atau menjelaskan aliran, kualiti atau kuantiti air di dalam sumber air itu; dan</p> <p>(d) minyak dalam apa-apa bentuk, minyak yang telah digunakan, bahan buangan atau bahan buangan yang mengandungi minyak atau sebaliknya.</p> <p>(2) Apabila apa-apa kemasukan atau pelepasan itu telah dibuat, tuanpunya atau penghuni harta tanah dari mana kemasukan atau pelepasan itu berpunca hendaklah, kecuali dibuktikan sebaliknya, dianggap telah melepaskan atau menyebabkan kemasukannya ke dalam sumber air itu.</p> <p>(3) Lesen untuk memasukkan atau membuang ke dalam mana-mana sumber air mana-mana bahan yang disebutkan di dalam subseksyen (1) boleh diberikan oleh Lembaga menurut seksyen 59.</p> <p>(4) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya lima ribu setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan.</p>	<p>kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendaknya memberhentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.</p> <p>[Pin. Akta A953 : s. 13]</p>

